

## Punca dua rumah musnah akibat letupan dalam siasatan

Oleh **Asrol Awang** - April 28, 2022 @ 12:11pm

[bhnews@bh.hmetro.com.my](mailto:bhnews@bh.hmetro.com.my)



Keadaan dua rumah yang musnah dalam kejadian kebakaran dan letupan di Jalan Permatang Badak Perdana 2, Kuantan. - Foto NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang akan menyiasat dari pelbagai aspek punca letupan kebakaran dua rumah jenis Semi-D setingkat di Jalan Permatang Badak Perdana 2 di sini, awal pagi tadi, termasuk kemungkinan disebabkan pembakaran mercun dan bunga api.

Pengarahnya, Datuk Wan Mohammad Zaidi Wan Isa, berkata sehingga kini pihaknya belum dapat mengesahkan punca letupan itu kerana terdapat beberapa bahan yang boleh menyebabkan berlakunya letupan.

Beliau tidak menolak kemungkinan letupan itu dipercayai berpunca daripada beberapa bahan termasuk mercun dan bunga api.

"Jika dilihat pada dasarnya kejadian ini, bahan yang berlaku letupan kemungkinan daripada dapur masak gas atau bahan lain yang masih dalam siasatan.

"Siasatan terperinci masih dijalankan untuk mendapatkan pengesahan yang menyebabkan berlakunya letupan yang dahsyat ini.

"Berdasarkan tinjauan, saya lihat ada silinder gas dan bunga api. Jika betul bunga api dan mercun kita ingin dapatkan kapasitinya sehingga berlaku letupan yang teruk hingga memusnahkan dua rumah, masing-masing 100 peratus dan 90 peratus," katanya kepada media di tempat kejadian hari ini.

Dalam kejadian kira-kira 3 pagi itu, seorang kanak-kanak lelaki berumur dua tahun maut manakala lima cedera dan tiga selamat.

Dalam kebakaran itu turut terjejas ialah tiga kenderaan dengan satu daripadanya hangus sepenuhnya.